



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
Blok A, Tingkat 8 - 11,
Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

100-4/10 JLD.(7)/(38

Tarikh :

04 Julai 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 4/2024
PENGUNAAN BORANG JBN.55 - PENGESAHAN NAMA DAN NOMBOR
AKAUN BANK PENERIMA BAYARAN

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan Borang JBN.55 untuk tujuan pengesahan mengenai nama dan nombor akaun bank.
- 1.2. Pindaan bagi pekeling-pekeling yang tersebut di bawah:-
 - 1.2.1. Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 6/2006 Peraturan Pembayaran Melalui 'Online Banking' Para 4
 - 1.2.2. Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 3/2009 Pelaksanaan Pembayaran Bayaran Am Di Bawah Amaun RM100,000.00 Melalui e-Banking Para 4.1
 - 1.2.3. Pekeliling Bendahari Negeri Sabah Bil. 1/2010 Peraturan Penyediaan / Pembayaran Baucar Bayaran Para 5.2.

2/-

"SABAH MAJU JAYA"



2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Keperluan untuk menambahbaik peraturan mengenai pengesahan nama dan nombor akaun bank penerima bayaran disebabkan maklumat yang dikemukakan di dalam baucar bayaran tidak selaras dengan dokumen sokongan seperti Invois, Surat Pengesahan dan Lampiran C.
- 2.2. Bagi mengelakkan kekeliruan di atas, Kementerian/Jabatan/PTJ hendaklah mengemukakan JBN.55 sahaja sebagai dokumen sokongan untuk pengesahan nama dan nombor akaun bank penerima bayaran.

3. PENGGUNAAN JBN.55

- 3.1. Penggunaan Borang JBN.55 adalah untuk menggantikan Borang Lampiran A dan C yang digunakan sebelum ini.
- 3.2. Jika Borang JBN.55 tidak disertakan bersama-sama baucar bayaran, Jabatan Bendahari Negeri (JBN) berhak mengeluarkan teguran kerana ketidakpatuhan kepada pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- 3.3. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan hanya Borang JBN.55 sahaja disertakan sebagai rujukan bayaran ke akaun penerima bersama-sama baucar bayaran dan dokumen sokongan yang berkaitan.
- 3.4. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan maklumat, individu/syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya.
- 3.5. Format Borang JBN.55 ini hanya boleh dimuat turun di laman sesawang <https://jbns.sabah.gov.my/>

4. BORANG JBN.55

- 4.1. Borang JBN.55 hendaklah ditandatangani oleh pemilik/wakil yang diberi kuasa untuk syarikat manakala bagi penerima individu hendaklah ditandatangani sendiri oleh penuntut.
- 4.2. Tandatangan ringkas (*initial*) hendaklah diturunkan oleh individu/syarikat di tepi perakuan seperti contoh pada Lampiran I (syarikat) dan II (individu). Penama yang menuntut hendaklah orang yang sama yang menurunkan tandatangan ringkas (*initial*) dan tandatangan pada JBN.55.

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 September 2024

6. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Ketua Penolong Bendahari Negeri (Operasi Pusat) di talian 088-368367 atau Penolong Bendahari Negeri, Seksyen Penyemakan Baucar di talian 088-368488 untuk penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

s.k YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A
Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Beg Berkunci 2032
Jalan Sembulan
88582 KOTA KINABALU
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah (Akaun))

Pengarah
Jabatan Pertanian
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p.: Ketua Akauntan)

Pengarah
Ibu Pejabat Perhutanan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p.: Ketua Akauntan)

Pengarah
Ibu Pejabat
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p.: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Air
Ibu Pejabat Jabatan Air
Wisma Muis
Beg Berkunci 210
88825 KOTA KINABALU
(u.p.: Ketua Akauntan)

Semua Bendahari Cawangan
Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Pengarah Audit Negeri Sabah
Wisma Audit Sabah
KM 2.4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci 2021
88400 KOTA KINABALU

**PENGESAHAN NAMA DAN AKAUN BANK
UNTUK PEMBAYARAN KERAJAAN NEGERI SABAH**

JBN.55

NAMA PENERIMA INDIVIDU / ENTITI BERDAFTAR

(Seperti dalam Akaun Bank, sila gunakan HURUF BESAR)

S	Y	A	R	I	K	A	T		A	B	C		S	D	N
B	H	D													

NAMA BANK

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

NOMBOR AKAUN BANK (Maksimum 16 digit, isikan tanpa sengkang)

1	5	0	1	1	0	0	8	9	0	6	8	8	8	6	
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--

NOMBOR KAD PENGENALAN BAHARU / TENTERA / POLIS / NO. PASSPORT

(Diisikan oleh Penerima Individu sahaja, tanpa sengkang)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

E-MEL

sykt.abc@gmail.com

*** PERAKUAN**

Dengan ini, saya mengesahkan dan memperakui semua maklumat di atas adalah benar, dan tidak akan membuat sebarang tuntutan jika berlaku kesilapan bayaran yang disebabkan oleh perakuan ini.

TANDATANGAN



NAMA PENUH

AHMAD BIN ABU

JAWATAN

PENGURUS

TARIKH

1	5	/	0	3	/	2	0	2	4
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

UNTUK ENTITI BERDAFTAR SAHAJA



CAP RASMI

* Bagi Entiti Berdaftar, hendaklah diisi oleh pemilik atau wakil yang diberi kuasa

* Bagi Individu, hendaklah ditandatangani oleh penama sendiri

**PENGESAHAN NAMA DAN AKAUN BANK
UNTUK PEMBAYARAN KERAJAAN NEGERI SABAH**

JBN.55

NAMA PENERIMA INDIVIDU / ENTITI BERDAFTAR

(Seperti dalam Akaun Bank, sila gunakan HURUF BESAR)

A	M	N	A	H		B	I	N	T	I		A	L	I	

NAMA BANK

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

NOMBOR AKAUN BANK (Maksimum 16 digit, isikan tanpa sengkang)

1	6	0	1	1	0	0	8	9	0	6	7	7	4	5	
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--

NOMBOR KAD PENGENALAN BAHARU / TENTERA / POLIS / NO.PASSPORT

(Diisikan oleh Penerima Individu sahaja, tanpa sengkang)

7	7	0	4	2	8	1	2	7	4	5	6
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

E-MEL

Amnah.Ali@sabah.gov.my

*** PERAKUAN**

Dengan ini, saya mengesahkan dan memperakui semua maklumat di atas adalah benar, dan tidak akan membuat sebarang tuntutan jika berlaku kesilapan bayaran yang disebabkan oleh perakuan ini.

TANDATANGAN


UNTUK ENTITI BERDAFTAR SAHAJA

NAMA PENUH

AMNAH BINTI ALI

JAWATAN

PEGAWAI TADBIR

TARIKH

1	5	/	0	3	/	2	0	2	4
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

CAP RASMI

* Bagi Entiti Berdaftar, hendaklah diisi oleh pemilik atau wakil yang diberi kuasa

* Bagi Individu, hendaklah ditandatangani oleh penama sendiri

JBN.55

[illegible]

--

[illegible][illegible]

UNTUK ENI CUKERDAFTAR SAHAJA

[illegible]

* Bagi *Fitri*, Berdattar, hendaklah diadag oleh pendo atau wakil yang ada. *Kusni*